

SUNGAI UJONG

Sungai Ujong ialah sebuah daerah yang terbesar dan tertua di antara kumpulan daerah-daerah atau tempat yang dinamakan Negeri Sembilan pada zaman dahulu.

Tempat yang dinamakan Sungai Ujong itu telah ada semenjak akhir Kurun Masehi XIV. Dalam Sejarah Melayu ada menyebutkan waktu Raja Singapura dialahkan oleh Majapahit, Raja Melayu yang beragama Hindu (Raja Singapura) itu telah lari ke Muar lalu ke Sungai Ujong dan meninggalkan seorang menteri memerintah di situ. Kemudian angkatan Raja Singapura itu terus ke Sungai Bertam, membuka negeri di situ dan dinamakan 'Melaka'.

Dengan kenyataan ini nyatalah Sungai Ujong itu telah ada sebelum Negeri Melaka dibuka lagi.

ASAL NAMA SUNGAI UJONG

Tempat yang bernama 'Sungai Ujong' ini disebut juga dengan nama-nama lain seperti 'Sang Hyang Ujong' sebagaimana terdapat di dalam babad Jawa Nagara Kretagama, 'Sening Ujong' seperti yang disebutkan di dalam Sejarah Melayu, 'Semujong' mengikut sebutan orang tua-tua. Tetapi tidak dapat diragukan lagi bahawa nama-nama yang tersebut itu adalah nama kepada tempat yang dipanggilkan Sungai Ujong yang di dalam Negeri Sembilan ini. Dan nama Sungai Ujong itu masih kekal hingga sekarang ini.

Asal nama Sungai Ujong ini terdapat juga berbagai ceritanya. Tetapi cerita yang menasabah dan ada lojiknya ialah berasal dari perkataan 'Hujong Sungai'.

Sebenarnya tempat asal yang dinamakan Sungai Ujong itu adalah punca atau hujung dari beberapa batang sungai yang ada kaitan rapatnya dengan cerita-cerita sejarah Sungai Ujong, seperti Sungai Beranang, Sungai Pajam, Sungai Batang Penar, dan Sungai Linggi. Semua hujung sungai ini berpunca dari satu kawasan yang boleh dianggap itulah kawasan asal yang dipanggilkan Sungai Ujong itu.

Batin Bercanggai Besi, ketua orang-orang Jakun dan isterinya bernama *Berdurai Besi* diam di Beranang. Dia mempunyai seorang anak perempuan yang cantik bernama *Puteri Mayang Selida*. Puteri ini bukanlah anak kandongnya tetapi ialah anak yang dijumpainya di dalam sebuah gua batu pada waktu angkatannya mencari perburuan di dalam hutan.

Tersebut kisah Sultan Kerajaan Johor, pada suatu malam telah bermimpi bahawa di dalam kawasan negerinya di sebelah utara ada seorang puteri yang cantik. Pertandaan untuk mencarinya ialah dengan menimbang air-air sungai yang dilalui. Mana-mana air sungai itu yang berat maka sungai itulah yang dimudeki iaitu ikut ke hujungnya.

Sultan Johor pun berlengkap segala alat perbekalan lalu berangkat dengan pegawai-pegawai negerinya belayar dari Johor ke Melaka.

Ditimbang air Johor dengan Melaka, berat air Melaka. Dimudeki Sungai Melaka, berjumpa sungai lagi, ditimbang pula airnya. Kemudian berjumpa

pula dengan Sungai Linggi mudék ke hulu. Begitulah dibuat tiap-tiap sungai yang dijumpai, ditimbang airnya mana yang berat itulah sungai yang diikuti.

Akhirnya berjumpa Sungai Semenyeh. Di kuala sungai itu ada mengkuang berenang, maka dinamakan sungai itu 'Sungai Mengkuang Berenang'. Dimudeki sungai itu sampai ke simpang empat. Nampak oleh baginda hampas-hampas tebu dan kulit-kulit jagong berhanyutan. Lalu berhenti di situ. Naik ke darat mencari tempat di mana punca datangnya hampas-hampas tebu itu.

Dalam perjalanan mencari tempat manusia itu maka berjumpalah dengan rumah-rumat rayat (orang asli). Itulah Kampung Beranang tempat tinggal Batin Berchanggai Besi.

Batin Berchanggai Besi, isterinya diIslamkan oleh Sultan Johor, kemudian Sultan Johor berkahwin dengan anak Batin Berchanggai Besi, Puteri Mayang Selida. Dibawa oleh baginda balik ke Johor naik pada suatu tanjong, maka dinamakan tanjong itu 'Tanjong Puteri' sebab tempat naik membawa puteri itu ke Johor.

Tidak ada didapati kenyataan-kenyataan siapakah yang telah menamakan 'Sungai Ujong' dan bilakah masanya. Oleh itu kisah Sultan Johor mencari tempat Puteri Mayang Selida dengan mengikuti beberapa batang sungai menuju ke hulunya (mudek) iaitu ke hujung-hujung sungai, maka bolehlah dipercayai bahawa nama Sungai Ujong itu berasal dari 'Hujung Sungai'.

Ada pula satu cerita lain yang mengatakan nama 'Sungai Ujong' itu berasal dari perkataan 'Sungai Jong'. Tetapi tema cerita itu serupa sahaja dengan cerita-cerita dongeng yang berlaku di tempat-tempat lain. Oleh itu susahlah hendak dijadikan sebagai satu kesan sejarah yang boleh diyakini benar.

ASAL NAMA SEREMBAN

Pada masa ini nama Sungai Ujong itu telah berubah pula menjadi 'SEREMBAN'. Pekannya Seremban dan daerahnya juga dipanggilkan Seremban. Nama Sungai Ujong hanya tinggal kepada gelaran atau pangkat 'Dato' Kelana Putera, Undang Luak Sungai Ujong' sahaja.

Ada dua cerita yang didapati asal perkataan nama 'Seremban' ini. Ahli-ahli sejarah belum pula menetapkan yang mana satu yang betul dan menasabah.

Cerita pertama : Apabila orang-orang China telah ramai datang ke Sungai Ujong mereka tinggal di kawasan Rasah dan Ampangan sekarang ini bekerja melombong bijeh. Orang-orang China ini mengupah orang-orang Melayu membuat empangan air. Beremban empangan ini selalu roboh kerana air bah. Dan selalu sahaja diupahkan membaikinya oleh orang-orang China kepada orang-orang Melayu. Kemudian langsunglah dinamakan 'Seremban' yang berasal dari perkataan 'Beremban'.

Cerita yang kedua : Apabila Sungai Ujong telah ramai penduduk-penduduknya orang-orang China juga ramai tinggal di situ kerana bekerja melombong hijih, maka pada suatu kawasan iaitu di hadapan Perhentian Keretapi sekarang ini telah dijadikan pasar untuk orang bertukar-tukar barang dan membeli belah. Beberapa kedai atau gerai telah didirikan. Di pasar itu bukan sahaja tempat bertukar-tukar barang atau membeli belah tetapi juga telah dijadikan tempat bersukaria dengan mengadakan berbagai-bagai permainan judi dan sebagainya.

Satu jenis permainan yang sangat-sangat digemari orang pada masa itu ialah permainan 'SARIMBAN'. Permainan ini menggunakan batu-batu kecil dan boleh dijadikan permainan bertaruh. Siapa-siapa yang menang akan mendapat banyak barang-barang pertaruhan itu.

Kerana termasyhurnya permainan itu lalulah tempat itu dinamakan 'Seremban'. Perkataan 'Sarimban' itu memang ada didapati dalam Kamus 'Am Bahasa Melayu yang bererti sejenis permainan kanak-kanak yang menggunakan buah batu-batu kecil.

Dari kedua-dua cerita ini, jika hendak dikira kepada perkataan yang tepat dan bersesuaian pula maka tidak syaklah lagi bahawa asal nama Seremban itu ialah dari nama sejenis permainan 'Seremban' seperti yang disebutkan di atas itu. Menasabah dengan ceritanya kerana orang-orang China memang suka bermain judi.

KETURUNAN PEMERINTAHAN SUNGAI UJONG


Puteri Mayang Selida yang berkahrin dengan Sultan Johor, mempunyai 4 orang putera yang bernama (dipercayai sebagai gelaran sahaja) To' Engku Kelang, Bendahara Sekudai, Mendika Akhir Zaman dan Johan Pahlawan Lela Perkasa. Mereka -mereka ini dikatakan telah membuka Kelang, Sungai Ujong, Jelevu dan Johol.

Bendahara Sekudai belayar dari Johor ke Melaka. Kemudian sampai di Kuala Sungai Linggi, mudek ke hulu hingga sampai ke Pengkalan Dian. Berkahwin dengan Batin Sibu Jaya, cucu kepada Batin Berchanggai Besi.

Batin Sibu Jaya ini berasal dari Beranang, dibawa oleh bondanya anak Batin Berchanggai Besi lari hingga ke Gunung Beremban, di hulu Sungai Penar kemudian sampai ke tempat yang kemudiannya dinamakan Pengkalan Dian. Sebab mereka lari dari Beranang ialah kerana terdengar yang mengatakan 'Kelambai' (hantu) hendak lalu di Beranang, barang siapa yang ditegurnya akan menjadi batu. Dengan itu ramai rayat-rayat yang lari kerana ketakutan.

Ada seorang Acheh pandai membuat tangkal. Dia menemui orang-orang rayat ini dan menunjukkan ubatnya. Disuruhnya ambil lilin ditangkalnya (dijampi) dijadikan dian (lampu) dan dibakar pada tiap-tiap petang. Itulah sebabnya tempat itu dinamakan Pengkalan Dian. Orang Acheh itu bertapa di situ dan kemudian tempat pertapaan itu dikenal dengan nama 'Keramat Sungai Udang' di Pengkalan Kempas.

Bendahara Sekudai dengan isterinya Batin Sibu Jaya berpindah ke Kuala Seliau dan akhirnya ke Rahang. Mereka mempunyai anak seramai empat orang. Anaknya yang tua bernama Mohamad Tumbu, bergelar Dato' Kelambu sebab dia diam di Kuala Sungai Kelambu. Dia dikenal juga dengan nama To' Jebat kerana adiknya bernama To' Musang. Anak mereka yang dua orang lagi ialah To' Serga dan To' Seri Mani. Salasilahnya :-



Bendahara Sekudai berpindah ke Pahang. Sebelumnya telah mengaturkan pangkat-pangkat dan gelaran kepada anak-anaknya. Dato' Kelambu di-pangkatkan 'Pengkulu Menteri' ialah pengkulu yang memerintah negeri. Dialah menjadi Pengkulu Sungai Ujong yang pertama. Kemudian To' Musang menjadi Pengkulu Sungai Ujong yang kedua. To' Semerga diberi gelaran Dato' Serimaharaja Di Raja dan To' Seri Mani diberi gelaran Dato' Andulika Mendulika

Penghulu Sungai Ujong yang ketika ialah Penghulu Selat, anak To' Musang yang berkahwin dengan anak Dato' Kelambu. Selepas itu Sungai Ujong diperintahkan oleh Dato' Penghulu Kadim, Penghulu Pandak dan Penghulu Chantek atau dipanggil Penghulu Rumah Gedang.

Selepas itu Penghulu yang memerintah Sungai Ujong memakai gelaran Dato' Kelana Putera. Orang yang mula-mula menyandang gelaran Dato' Kelana itu ialah Bador anak kepada Penghulu Chantek.

GELARAN DATO' KELANA PUTERA :

Menurut suatu cerita gelaran Dato' Kelana Putera ini dikurniakan oleh Sultan Johor. Tetapi tidak ada didapati sebarang keterangan berkenaan-nya.

Suatu riwayat lagu menyatakan gelaran ini dikurniakan oleh Yang Di Pertua Raja Melewar, semasa beristana di Kuala Penajis, Rembau. Penghulu Chantek mengadap Raja Melewar. Dalam majlis penghadapan itu ada soalan-soalan dari Yang Di Pertuan Raja Melewar yang tidak dapat dijawab oleh Penghulu Chantek. Tetapi pertanyaan-pertanyaan itu dapat dijawab oleh anak Penghulu Chantek bernama Bador.

Memandangkan kepintaran anak Penghulu Chantek itu, maka Raja Melewar telah memberikan gelaran 'Dato' Kelana Putera' kepada Bador serta memberi titah dari hari itu Penghulu Menteri Sungai Ujong diubah gelar dinaikkan pangkat Kelana Putera. Pesaka berganti dengan anak, dilebihkan dari Undang-Undang yang lain, boleh memakai pakaian raja, angkatan seperti raja muda dan menjadi wakil Kerajaan Yang Di Pertuan.

Dato' Kelana Sungai Ujong imam kepada undang-undang yang empat dalam aturan melantik dan menabalkan Yang Di Pertuan.

Mengikut ceritanya, gelaran Kelana Putera ini telah diketahui oleh Raja Melewar sewaktu dalam pelayaran baginda singgah di Pulau Riau. Di sana ada gelaran Kelana Putera bakal Yang Di Pertuan Muda Riau, iaitu gelaran daripada Raja Bugis.

KAWASAN SUNGAI UJONG MASA DAHULU :

Kawasan Sungai Ujong masa dahulu sangat luas, beberapa buah tempat di dalam Negeri Selangor sekarang ini dahulunya dalam kawasan Sungai Ujong. Tempat itu ialah seperti Kajang, Rakoh, Semenyeh, Beranang dan beberapa kampung lain lagi yang kecil-kecil.

Sempadan di antara Dato' Kelana Sungai Ujong dengan To' Engku Kelang, Batang Langat (Sungai Langat). Kanan mudek kawasan Sungai Ujong dan kiri mudek kawasan Dato' Engku Kelang. Kawasan sebelah kanan Sungai Langat ini ialah kawasan-kawasan yang termasuk Kajang, Semenyeh, Rakoh dan Beranang.

Pada masa Sungai Ujong di perintah oleh Dato' Kelana Sendeng (Dato' Kelana ke-V) Semenyeh telah diberikan kepada Tunku Sutan menantu kepada Raja Husin waris Sungai Ujong. Tunku Sutan dan Raja Husin telah membuka Semenyeh hingga ramai penduduk-penduduknya. Banyak hasil bijih timah dikeluarkan dari sana dan telah diberi izin oleh Dato' Kelana akan Tunku Sutan dan Raja Husin memungut cukai-cukai itu untuk sara hidup mereka.

Kemudian Raja Husin membuka Beranang pula pada tahun 1878. Kemudian Tengku Kahar Putera Sultan A. Samad duduk di Kajang hingga Inggeris mencampuri pemerintahan Negeri Selangor. Semenyerh, Rakoh terus dimiliki oleh Selangor. Ini disebabkan oleh kealpaan dan kelalaian Waris Sungai Ujong dan lemah serta tiada upayanya bagi Raja Husin menuntut yang hak pada Kerajaan Selangor.

Pada tahun 1885 pada masa Sungai Ujong diperintahkan oleh Dato' Putera Lela Setia Mohamad Yusoh (Dato' Kelana Yang ke VII) ditentukan sempadan di Beranang antara Selangor dan Sungai Ujong (N.S.)

ORANG-ORANG BESAR SUNGAI UJONG :

Orang-orang besar Sungai Ujong di bawah Dato' Kelana terbahagi kepada lima kumpulan iaitu :

- i) Lembaga Tiang Balai.
- ii) Dua waris 'Ibu Bapa' Waris Kelana.
- iii) Lembaga Tiga di Pantai.
- iv) Berjenis-jenis Dato' yang lain.
- v) Dato' yang berjawatan di balai Dt: Kelana dan Dato Bandar.

1. Lembaga Tiang Balai : Empat orang dato' masuk dalam kumpulan ini dato'-dato'nya ialah : Dato' Maharaja Di Raja, Dato' Andulika Mendulika di Pantai, Dato' Akhir Zaman di Rantau dan Dato' Amar di Kelawang.

Dato' Andulika Mendulika memerintah Mukim Pantai. Keluarga Dato' Andulika Mendulika ini termasuklah ke dalam 'Waris Di Darat' atau Waris Kelana. Dato' Akhir Zaman di Rantau terhitung sebagai 'Waris Di Air' dan Dato' Amar ke kelawang pada masa ini sudah jadi seorang daripada dato'dato' dalam Jelevu kerana Mukim Kelawang masa ini tidak dikira lagi dalam hitungan Sungai Ujong.

2. Waris Kelana, dua orang 'Ibu Bapa' : Ialah Dato' Maharaja Lela Waris Hilir dan Dato' Johan Waris Ulu. Dato'-dato' ini berkuasa memilih sesiapa yang patut menjadi Dato' Kelana Sungai Ujong. Sebenarnya dato'-dato' yang dikatakan Waris Kelana ialah 'Ibu Bapa' kepada dua keturunan (Perut) yang tertinggi di Sungai Ujong iaitu Waris Hilir dan Waris Ulu.

3. Lembaga Tiga di Pantai : Terdiri dari tiga orang dato' yang menjadi ketua-ketua suku di Pantai. Gelaran-gelarannya ialah :

- a) Dato' Menteri (Suku Semelenggang).
- b) Dato' Raja di Muda (Suku Biduanda).
- c) Dato' Maharaja Indera (Suku Batu Hampar).

4. Berjenis-jenis dato' yang lain : Ada beberapa orang dato' yang masuk dalam kumpulan ini :

(i) Dato' Dagang di Paroi : Menurut ceritanya pada masa dahulu angkatan Yamtuan dari Seri Menanti singgah di Paroi tidak ada orang yang berpangkat untuk mengumpulkan penduduk-penduduk di situ bagi

menyambut kedatangannya dengan cara beristiadat. Baginda mengadu kepada Dato' Kelana. Akhirnya seorang ketua yang bergelar Dato' Dagang yang kerjanya khas untuk menyambut dan memuliakan orang-orang besar yang datang ke tempat itu dilantik oleh Dato' Kelana.

(ii) Penghulu Muda di Labu : Pada masa Dato' Kelana Leha memerintah Sungai Ujong kebenaran telah diberikan kepada Dato' Mangkun untuk membuka Labu. Dato' Mangkun ialah seorang Waris di Ayer. Dia diberi gelaran oleh Dato' Kelana 'Dato' Bergajah Tunggal' kerana Dato' Mangkun telah membunuh seekor gajah yang bergading tunggal dan gading gajah itu telah dipersembahkan kepada Dato' Kelana.

Kemudian pada masa Dato' Kelana Kawal suatu gelaran yang lebih tinggi iaitu 'Dato' Penghulu Muda' telah diberikan kepada cucu Dato' Mangkun bernama Sindeh.

(iii) Dato' Andatar : Orang yang menjadi ketua di sebuah kampung bernama Sentul (Mantin sekarang ini). Orang yang memegang pangkat gelaran ini dipilih dari keturunan orang yang mula-mula membuka tempat itu dahulu.

(iv) Dato' Lela Perkasa : Orang yang menjadi ketua pada suatu tempat bernama Mendom dalam Mukim Lenggeng. Orang yang memegang pangkat ini dipilih daripada Waris seorang ketua orang asli (Biduanda) di situ.

(v) Dato' Muda Linggi : Tempat yang bernama Linggi ini dibuka oleh orang-orang yang datang dari Pulau Riau. Pada mula-mulanya mereka tinggal di Rembau di Kampong Penajis, tidak mahu mengikut adat Perpatih. Lalu meninggalkan Penajis pergi ke Sungai Ujong. Dato' Kelana Leha telah menerima orang-orang Riau itu dan disuruh mereka membuka tempat kediaman di tepi Sungai Linggi di sebelah Sungai Ujong.

Di Linggi mereka hidup mengikut adat mereka sendiri. Tetapi mereka masih mengaku kedudukan mereka di bawah Rembau dan Sungai Ujong dan sentiasa mengharapkan pertolongan dari kedua-dua pihak. Itulah disebutkan mereka ini 'Beribu ke Rembau dan berpapa ke Sungai Ujong'. Yang menjadi ketua orang-orang Riau itu bernama Dato' Awaluddin, membuka Linggi kira-kira pada tahun 1783.

5. Dato'-dato' yang berjawatan di Balai Dato' Kelana dan Dato' Bandar: Disebutkan di sini dua orang sahaja iaitu seorang di Balai Dato' Kelana dan seorang di Balai Dato' Bandar. Dato' Laksamana di Laut sebagai Perdana Menteri (orang besar) kepada Dato' Kelana. Orang yang menjadi Dato' Laksamana ini ialah salah seorang daripada saudara yang hampir kepada Dato' Kelana dalam kumpulan Waris di Darat.

Yang kedua; Dato' Panglima Besar iaitu Dato' dalam Balai Dato' Bandar. Tarafnya samalah seperti Dato' Laksamana kepada Dato' Kelana tadi.

DATO'-DATO' PENGHULU DAN DATO' KELANA YANG MEMERINTAH SUNGAI UJONG
DARI MULA-MULA DAHULU.

1. Dato' Kelambu; anak Bendahara Sekudai.
2. To' Musang anak Bendahara Sekudai.
3. Penghulu Selat.
4. Penghulu Kadim.
5. Penghulu Pandak.
6. Penghulu Chantek atau Penghulu Rumah Gedang.
7. Dato' Kelana Bador, tahun 1760 Waris Hulu
8. Dato' Kelana Leha, tahun 1780 Waris Hulu
9. Dato' Kelana Bahi, tahun 1800 Waris Hilir
10. Dato' Kelana Kawal, tahun 1830 Waris Hulu
11. Dato' Kelana Sendeng, tahun 1850 Waris Hulu
12. Dato' Kelana Syed A. Rahman tahun 1872 - 1881 Waris Hilir
13. Dato' Kelana Lela Setia Mohd. Yusof tahun 1881 - 1889 (dipecat)
Waris Hilir
14. Dato' Kelana Ma'amor bin Kasim, C.B.E. 1889 - 1945 Waris Hulu
15. Dato' Kelana Mohad. Kasim bin Dt:Andika Hj. A. Rashid 1946 -
Waris Hilir.

INGGERIS CAMPUR TANGAN :

Dalam tahun 1832 Syed Shaaban yang menggelarkan dirinya menjadi Yamtuan
Muda Rembau telah membuat perhubungan dengan Inggeris, iaitu selepas

Perang Naning. Dato' Muda Linggi yang bernama Dato' Katas ialah seorang musuh ketat kepada Syed Shaaban telah cuba hendak memutuskan perhubungan antara Syed Shaaban dengan Inggeris tetapi tidak berjaya.

Pada masa itu Dato' Muda Katas bermusuhan pula dengan seorang yang bernama Nakhoda Lub. Nakhoda Lub meminta pertolongan kepada Syed Shaaban hendak melanggar Dato' Muda Katas. Tidak berjaya kerana Dato' Muda Katas handal orangnya. Kemudian Dato' Muda Linggi menyerang Syed Shaaban dan Syed Shaaban meminta pertolongan kepada Dato' Rembau yang bernama Dato' Nganit. Tidak dipersetujui, Syed Shaaban telah melanggar Dato' Rembau dan hendak membunuhnya. Dato' Rembau dapat melepaskan diri. Orang-orang Rembau memihak kepada Dato' Rembau dan Dato' Kelana Sungai Ujong juga murka kepada Syed Shaaban lalu bersatu dengan Dato' Rembau dan menyerang Syed Shaaban.

Dalam tahun 1844 Tuan Gabenor Negeri Selat telah memberi amaran kepada Dato' Muda Linggi supaya jangan memperdulikan saudagar-saudagar yang hendak memujuknya masa itu.

Dalam tahun 1872 Dato' Kelana Sungai Ujong bersama dengan Dato' Laksamana Syed A. Rahman bin Syed Ahmad (kemudiannya menjadi Dato' Kelana) telah menandatangani satu perjanjian membenarkan seorang Inggeris bernama Henry Velge membuka lombong bijih timah di Sungai Ujong. Kedua-dua orang besar itu akan melindungi wakil Tuan Henry pada masa menjalankan kerja-kerja di Sungai Ujong dan tidak akan mencukai barang-barang yang dibawa masuk melainkan candu.

Pada 21hb. Aoril 1874 Dato' Kelana Sungai Ujong, Dato' Syed A. Rahman dan Dato' Muda Linggi telah memandatangani suatu perjanjian dengan Kerajaan Inggeris. Maka pada masa itulah Sungai Ujong telah masuk ke bawah naungan Inggeris. Dan Dato' Kelana bersahabat baik dengan Inggeris.

PERANG DATO' KELANA DENGAN DATO' BANDAR :

Dato' Bandar salah seorang Orang Besar Sungai Ujong tidak bersetuju dan benci kepada Dato' Kelana Syed A. Rahman kerana bersahabat dengan Inggeris.

Pada tahun 1874 Dato' Kelana Syed A. Rahman telah meminta kepada Gabenor Sir Andrew Clarke di Singapura hendak membuat jalanraya dan sebuah rumah penjara di Sungai Ujong dan meminta supaya Tuan Isemonger yang menjadi magistrate di Melaka menjadi Residen di Sungai Ujong.

Dato' Bandar telah mengugut hendak menimbulkan huru hara di Sungai Ujong kerana membantah sikap Dato' Kelana itu. Kerajaan Inggeris di Negeri-negeri Selat telah menghantar satu pasukan mata-mata seramai 60 orang bersama-sama dengan 44 orang kuli. Pasukan itu diketuai oleh seorang Pegawai Inggeris bernama Tuan Pickering.

Pada 10hb. Oktober 1874 bendera Inggeris dinaikkan di sisi rumah Dato' Kelana di Ampangan dan tembakan meriam 21 das kerana menghormati hari naiknya bendera Inggeris itu.

Sungguhpun Dato' Kelana telah bersahabat baik dengan Inggeris tetapi Dato' Bandar masih tetap tidak puas hati dan marah kepada Dato' Kelana dan menganggap Dato' Kelana hanya sebagai patung sahaja kepada Kerajaan Inggeris.

Akhirnya pada suatu masa Dato' Kelana telah mengumpulkan orang-orangnya hendak melanggar Dato' Bandar. Pasukan perang Dato' Kelana itu terdiri dari pasukan polis dari Negeri Selat dan pasukan perang Kerajaan Inggeris di Negeri-negeri Selat dengan diketuai oleh seorang raja dari Tampin bernama Tengku Abu telah melanggar Dato' Bandar. Peperangan bertambah-tambah hebat dan akhirnya Kerajaan Inggeris telah menghantarkan bantuan kepada Dato' Kelana seramai 84 orang askar British, 20 orang pasukan meriam dan 54 orang daripada anak-anak kapal Inggeris, Charybdis.

Akhirnya pasukan Dato' Kelana yang dibantu oleh pasukan perang Inggeris itu telah menawan Rasah, pada 14hb Oktober 1874. Pada malam 11hb. November iaitu rumah Dato' Bandar di Kepayang diserang dan seminggu lepas itu Rahang dibakar.

Dato' Bandar mengutus surat kepada Gabenor di Singapura menyalahkan perbuatan Inggeris yang telah memberi bantuan kepada Dato' Kelana itu. Akhirnya pada 30hb. November 1874 Dato' Bandar telah menghantar wakil ke Singapura mengatakan kepada Kerajaan Inggeris bahawa Dato' Bandar telah menyerah dan tidak mahu berperang lagi dengan Dato' Kelana dan mengakui Dato' Kelana Syed A. Rahman itulah pemerintah Sungai Ujong.

Pada tahun 1889 daerah-daerah Negeri Sembilan yang di sebelah timur, Rembau, Johol dan Seri Menanti telah bersatu masuk ke bawah naungan Kerajaan Inggeris dengan diperintahkan oleh seorang Pegawai British bergelar Resident Negeri Sembilan. Dan daerah-daerah Negeri Sembilan di sebelah barat, Sungai Ujong dan Jelebu telah bersatu pula masuk ke bawah naungan Kerajaan Inggeris dengan diperintahkan oleh seorang Pegawai British yang bergelar Resident Sungai Ujong.

Pada tahun 1895 Yamtuan Seri Menanti, Undang Johol, Undang Sungai Ujong, Undang Jelebu, Undang Rembau dan Tunku Besar Tampin telah menyatukan semua tempat-tempat di Negeri Sembilan ini lalu masuk bernaung di bawah Kerajaan British dengan memohon seorang British Residen bagi mengatur pemerintahan dalam Negeri Sembilan. British Resident yang mula-mula di Negeri Sembilan ialah Tuan Martin Lister.

DATO' BANDAR (DATO' SHAHBANDAR) SUNGAI UJONG :

Tahun 1715 Sultan Johor telah melantik Dato' Raja iaitu Lembaga Waris di Ayer sebagai Dato' Bandar Sungai Ujong. Dari Dato' pertama yang bernama Keling hingga Dato' Bandar Ke-6 yang bernama Nahar semuanya merangkap Dato' Raja. Dato' Bandar Ke-7 yang bernama Megat telah menolak dari merangkap gelaran Dato' Raja. Dato' Bandar adalah di-kurniakan kuasa oleh Sultan Johor bagi memungut cukai-cukai sepanjang-panjang Sungai Linggi.

Adalah diyakinkan, gelaran Dato' Bandar telah ada semenjak zaman Kesultanan Melaka, akan tetapi lantikan-lantikan itu adalah dibuat terus dari Melaka, penyandang-penyandanganya terdiri dari keturunan bukan dari anak-anak tempatan Sungai Ujong. Dato' Bandar dalam Kurun Ke-19 adalah berkuasa sepenuhnya di sepanjang-panjang perairan Sungai Linggi.

Antara tahun 1849 - 1874 Dato' Bandar Tunggal (Abdullah bin Ahmad) telah mengemukakan satu cadangan yang berupa kata dua kepada Undang Sungai Ujong ke-11 bernama Dato' Kelana Sendeng membawa kepada Undang ke-12 bernama Syed A. Rahman, cadangan itu sama ada Dato' Kelana yang telah disokong oleh British ketika itu mahu bersatu dengan Dato' Bandar untuk menentang British, jika tidak Dato' Bandar akan mengasingkan kawasan untuknya dalam Sungai Ujong.

Sebarang tindakan tidak dilakukan oleh Dato' Bandar hinggalah ke akhir masa Dato' Kelana Mohd. Yusof bin Hashim tahun 1889 yang telah dipecat kerana tidak siuman.

Apabila Dato' Kelana Ma'amor menyandang Dato' Kelana Undang Sungai Ujong tahun 1889 ianya masih dalam usia kanak-kanak dan Dato' Bandar ketika itu ialah Dato' Bandar Haji Ahmad bin Mohd. Ali telah memangku tanggungjawab Dato' Kelana hingga tahun 1898. Dalam masa Dato' Bandar memangku tugas Dato' Kelana itu, ia telah menandatangani perjanjian-perjanjian bagi pihak Dato' Kelana dan termasuk juga dalam perjanjian itu dirinya sendiri sebagai Dato' Bandar yang sama kedudukan dengan Dato' Kelana serta tandatangannya.

Di antara perjanjian-perjanjian yang ditandatangani oleh Dato' Bandar Haji Ahmad bagi pihak Dato' Kelana dan bagi dirinya sendiri sebagai Dato' Bandar itu ialah Perjanjian Negeri-Negeri Melayu Bersekutu menerima British Resident pada tahun 1895 dan mengakui Tuanku Muhamad ibni Tuanku Antah sebagai Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan pada 29hb. April, 1898.

Perjanjian yang bertarikh pada 19hb. November, 1874, antara Dato' Kelana Syed Abdul Rahman dengan Dato' Bandar Tunggal yang disaksikan oleh wakil British Mr. W.A. Pickering, dalam perjanjian ini menyalurkan campurtangan British bagi mengalih pandangan Dato' Bandar Tunggal ke arah pembatalan tindakannya dan turut semula dalam perang Sungai Ujong.

Dalam perjanjian di atas ini juga melantik Haji Ahmad bin Mohamad Ali menggantikan Dato' Bandar Tunggal sebagai Dato' Bandar Sungai Ujong yang baru. Ternyata juga dalam perjanjian ini mengikat Dato' Kelana Syed Aman supaya berunding terlebih dahulu dengan Dato' Bandar dalam menyelesaikan sebarang urusan.

Petikan sebahagian dari perjanjian itu adalah seperti berikut :-

"Apakala ada hal ehwal atau apa-apa perbuatan beta
melainkan hendaklah beta maufakat bersama-sama dengan
Dato' Shahbandar."

Sebagai seorang yang berkebolehan dan berumur sampai 100 tahun (meninggal dunia tahun 1928) Dato' Bandar Haji Ahmad dengan mudahnya telah berjaya mendapatkan hak-hak persamaan dengan Dato' Kelana Ma'amor bin Kassim, dengan hubungan keluarga Dato' Kelana sebagai menantu Dato' Bandar sebagai mentua.

Dalam tahun 1878 Captain Murry iaitu Resident Sungai Sujong dan Jelebu telah membuat satu perjanjian dan telah menubuhkan sebuah Majlis Kerja yang dianggotai^{sama} oleh Dato' Bandar dan Dato' Muda Linggi. Segala keputusan Majlis Kerja ini hendaklah dirujuk kepada Dato' Kelana untuk dikuatkuasakan. Perjanjian ini juga menyatakan kedudukan Dato' ^{Bandar} ~~Bandar~~ di bawah Dato' Kelana dalam satu-satu perkara tertentu sahaja.

Selepas tahun 1898 Dato' Bandar Haji Ahmad tidak ada lagi menandatangani sebarang rupa perjanjian bagi pihak Sungai Ujong sekali pun tuntutan-tuntutan dibuatnya untuk berkuasa berterus-terusan setaraf dengan Dato' Kelana, akan tetapi tuntutan-tuntutan itu tidak berhasil.

Dalam menyarankan persamaan hak ini Dato' Bandar dan Dato' Kelana pada mulanya bersetuju berpegang dengan kata-kata kiasan, "Laksana mata hitam dengan mata putih dan laksana telur sebiji sama ditatang, pesaka satu sama dibela", walau bagaimanapun kata-kata Dato' Bandar tidak disebutkan sebagai sabda.

Berikut ini sebahagian dari isi surat Dato' Kelana Ma'amor kepada British Resident Negeri Sembilan E.S. Hose tahun 1922 pada menyatakan

hak kekuasaan antara Dato' Kelana dengan Dato' Bandar.

"Adalah dikatakan Undang itu bagi Luak Sungai Ujong ini ialah Dato' Kelana Petra dan Dato' Bandar, dan jikalau tumbuh apa-apa hal di dalam Waris di Darat habis oleh Dato' Kelana Petra dan jikalau tumbuh pula apa-apa hal di dalam Waris di Ayer habis oleh Dato' Bandar, tiada boleh ganggu mengganggu kedua pihaknya."

Sepanjang-panjang suku abad yang pertama Kurun Ke-20 Dato' Kelana Ma'amor telah berusaha untuk mengembalikan semula hak-haknya sebagai Undang Sungai Ujong yang pada beberapa ketika dulu disamakan tarafnya dengan Dato' Bandar. Ini dengan mudahnya dapat dilakukan oleh Dato' Kelana kerana masa itu Dato' Bandar Haji Ahmad telah uzur dan tidak berupaya lagi hendak membuat apa-apa bantahan.

Hingga tahun 1941 Dato' Bandar tidak menjadi Ahli Dewan Keadilan dan Undang dan mengikut Perlembagaan tahun 1959 Dato' Bandar adalah menjadi ahli dalam Dewan Keadilan dan kedudukannya selepas Tunku Besar Tampin.

Percaturan hukum yang dikanunkan bagi pengesahan sebarang perlantikan dalam Waris di Ayer hendaklah Dato' Bandar mempengerusikan mesyuarat di mana perlantikan kemudiannya diisytiharkan. Dato' Raja selaku Lembaga Waris di Ayer membawa ketua yang baru dilantik itu untuk mengadap Dato' Bandar, lepas itu mengadap Dato' Kelana di Balai, kemudian Dato' Kelana mengesahkan dan menyampaikan pengesahan lantikan itu kepada Kerajaan.

BERIKUT INI SUSUNAN PENYANDANG DATO' BANDAR SUNGAI
UJONG (WARIS DI AYER) :

1. Dato' Bandar Keling,
2. Dato' Bandar Lujar,
3. Dato' Bandar Sangkut,
4. Dato' Bandar Karang,
5. Dato' Bandar Bangkil,
6. Dato' Bandar Nahar,
7. Dato' Bandar Megat - Semua 7 orang Dato' Bandar ini
menyandang dan merangkap Dato'
Raja. Dato' Bandar Megat
menolak bagi merangkap gelaran
Dato' Raja pada akhirnya.
8. Dato' Bandar Tedoh,
9. Dato' Bandar Lebai,
10. Dato' Bandar Tunggal (Abdullah bin Ahmad)
(1849 - 1874),
11. Dato' Bandar Haji Ahmad bin Mohd. Ali
(1874 - 1928),
12. Dato' Bandar Abdul Rahman,
13. Dato' Bandar Abdul Kadir,
14. Dato' Bandar Abu Bakar bin Haji Osman.

DATO'-DATO' UNDANG BERKUASA DALAM LUAKNYA

Meskipun Dato' Undang Yang Empat telah menabalkan Raja Melewar dan Raja-Raja yang lain (sehingga peperangan dengan Yamtuan Antah pada tahun 1874) menjadi Raja di Negeri Sembilan, akan tetapi Dato' Undang

Luak Sungai Ujong, Rembau dan Jelebu adalah berkuasa penuh di dalam luaknya masing-masing. Raja-raja yang bersemayam di Seri Menanti ketika itu tidak mempunyai sebarang kuasa mencampuri pentadbiran dalam luak yang tiga ini.

Dari perjanjian 1898 jelas menyebutkan "kerana mengukuhkan peraturan adat negeri dan pesaka yang telah dibuat oleh orang tua-tua zaman dahulu kala." Di sini dapat diagakkan, bahawa ketika Dato'-Dato' Undang menabalkan Raja-Raja Negeri Sembilan dahulu telah ada satu ikrar atau perjanjian yang dibuat supaya Raja tidak boleh mencampuri pemerintahan dalam Luak Undang. Akan tetapi Dato'-Dato' Undang pula mengakui bahawa Raja Negeri Sembilan itu adalah Raja mereka malah merekalah yang bersusah payah menjemput tiga orang anak raja dari Pagar Ruyung untuk menjadi rajanya di Negeri Sembilan, dengan sebab, itulah perkataan yang tersebut di atas telah dirakamkan dalam perjanjian.

Satu lagi bukti yang nyata, ialah beberapa buah perjanjian telah dibuat oleh Dato' Kelana Sungai Ujong, Dato' Rembau dan Dato' Jelebu dengan Belanda dan Inggeris yang sama sekali tidak ada tandatangan Raja ataupun disebutkan dengan persetujuan Raja dalam perjanjian itu. (Perjanjian-perjanjian ini dimuatkan di muka lain).

Jika perjanjian itu dibuat setelah tahun 1874, satu perkara yang tidak payah diragukan lagi kerana telah ternyata tiga orang Dato' Undang telah mengisytiharkan dirinya keluar dari Persatuan Negeri-Negeri Sembilan dan tidak mengakui Yamtuan menjadi Rajanya.

Di bawah ini diturunkan dua buah perjanjian yang telah dibuat oleh Dato' Kelana dengan Kerajaan British dan satu perjanjian di antara Dato' Kelana dan Dato' Muda Linggi dengan Kerajaan British juga.

SUNGAI UJONG, 1877

SURAT PENYERAHAN TANAH DI SIMPANG

OLEH DATO' KELANA, SUNGAI UJONG

31hb. Mei, 1877

(Terjemahan)

Beta Dato' Kelana Putera Syed Abdul Rahman yang memerintah Sungai Ujong dan segala jajahan takluknya adalah mengisytiharkan seperti berikut :-

Ada sebidang tanah di bawah takluk beta dipanggil Simpang, luasnya 94 ekar 1 rood 4 pole di tempat yang ditandakan dalam pelan yang bercantum kepada Surat Bukti ini.

Tanah ini, dengan suka hati beta sendiri, beta serahkan kepada Kerajaan Baginda Queen, waris-waris dan ganti-gantinya selama-lamanya di bawah takluk Kerajaan Baginda Queen, waris-waris dan ganti-gantinya.

Dan lagi bagi masa yang akan datang tidak siapa pun yang boleh menuntut tanah ini.

Sebagai tanda surat bukti ini ditandatangani dan sah maka beta turunkan cop mohor dan tandatangan beta di bawah ini.

Tertulis pada 31hb. Mei, 1877.

(Tandatangan)
A. E. H. ANSON,
Pentadbir.

Tandatangan
Dato' Kelana Petra (Mohor),
(Pelan juga ditandatangani).

PERJANJIAN SUNGAI UJONG

SUNGAI UJONG, 1874

21hb. April, 1874

Sa-nya oleh kerana di dalam Luak Sungai Ujong kerap kali berlaku perbalahan dan oleh kerana ramai orang-orang jahat yang tidak berhak telah membuat kubu di tebing-tebing Sungai Linggi dan dengan menggunakan senjata-senjata telah menyekat orang-orang berniaga membawa dagangan-dagangan mereka mudek dan menghilir sungai yang tersebut, dan oleh kerana Kerajaan British sanggup, atas kemahuan Undang Luak Sungai Ujong, dan bagi perlindungan hak-hak rakyat jelata, bagi kemajuan perniagaan dan bagi kemakmuran Luak yang

tersebut dan memperluas kesanggupannya kepada Kerajaan Luak yang tersebut : Dan sa-nya Undang Luak Sungai Ujong telah bersungguh-sungguh mencuba membersihkan sungai itu daripada orang-orang jahat dengan perbuatannya yang tidak halal itu dan bagi maksud ini ia telah memesan bekalan senjata-senjata api, ubat-ubat bedil yang ada tersimpan sulit di Singapura: Dan sa-nya atas adanya disampaikan kepada Tuan Yang Terutama Gabenor Singapura atas hasrat Undang Luak yang tersebut untuk mencuba lagi membersihkan sungai yang tersebut supaya perniagaan di negeri itu pulih semula dan bertambah-tambah lagi dan bagi maksud ini ia telah meminta supaya bekalan-bekalan senjata api dan ubat-ubat bedil diberikan kepadanya dan dibawakan ke Luak Sungai Ujong, dan Tuan Gabenor sungguh pun suka hendak memberi bantuan kepadanya bagi maksud membersihkan Sungai Linggi daripada bencana-bencana yang tersebut akan tetapi adalah memikirkan sebelum permintaan Undang Luak bagi senjata-senjata api dan ubat bedil dan segala perlindungan Kerajaan British ditunaikan maka hendaklah ada sepenuh-penuh pengakuan bahawa senjata-senjata api dan ubat-ubat bedil itu tidak sekali-kali digunakan bagi maksud-maksud yang merbahaya kepada keamanan Luak yang tersebut dan merosakkan ahli-ahli perniagaan dan orang-orang lain yang berulang alik ke Luak itu dan Kerajaan Luak itu hendaklah dijalankan oleh Undang Luak yang tersebut dan pegawai-pegawainya dengan berdasarkan keadilan dan keinsafan, dan nyawa dan harta benda ahli-ahli perniagaan dan

orang-orang lain hendaklah diperlindungi dengan sempurnanya oleh Undang Luak yang tersebut dan pegawai-pegawainya : Dan sa-nya Luak yang tersebut dan pegawai-pegawainya bersetuju membuat satu pengakuan berkenaan dengan hal ini.

Maka sekarang di hadapan saksi adalah kami yang mempunyai nama dan cap mohor yang termetri di bawah ini memberi pengakuan, bertanggungjawab dan terikat kepada Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Victoria, United Kingdom of Great Britain dan Ireland, Raja, sebanyak \$50,000/- yang akan dibayar kepada Seri Paduka Baginda, dan gantinya di atas Takhta Kerajaan dan untuk menentukan yang bayaran ini tidak akan mungkir maka terikatlah kami kepada perjanjian ini dan juga tiap-tiap seorang daripada kami dan ganti-ganti kami dalam jawatan dan tiap-tiap waris kami dan pemegang-pemegang kuasa kami dan siapa-siapa jua daripadanya : Dan dengan tertakluk selagi syarat-syarat perjanjian ini dipatuhi oleh Undang Luak yang tersebut dan pegawai-pegawainya maka kesanggupan dan perlindungan Kerajaan British akan dihulurkan kepadanya untuk mempertahankan kebebasan, keamanan dan kemajuan bagi Luak Sungai Ujong.

Syarat pengakuan yang tersebut di atas ialah jika sekiranya orang-orang memberi pengakuan yang tersebut dan tiap-tiap seorang daripadanya dan tiap-tiap gantinya hendaklah dalam semua perkara menjalankan dengan betul dan baik Kerajaan Luak Sungai Ujong sepanjang mana yang mereka berkuasa dengan berdasarkan keadilan dan sama rata, dan akan memperlindungi daripada segala perbuatan yang tidak adil dan zalim semua orang-orang yang berulang alik ke Luak itu menggunakan Sungai Linggi dan melihat Sungai Linggi itu terbuka kepada perjalanan dan perdagangan yang halal dan akan mencegah orang-orang yang mencerobohi atau mengganggu orang-orang yang hilir mudik sungai itu, dan orang-orang mengutip sewa-sewa dan cukai daripada orang-orang yang menggunakan Sungai yang tersebut, walau dengan secara apa pun, selain daripada cukai dan sewa-sewa asal yang telah dikenakan bagi menggunakan Sungai itu, dan untuk perlindungan dan kesenangan ahli-ahli perniagaan, oleh pihak yang berkuasa yang diakui oleh Undang Luak yang tersebut dan dengan kebenaran dan persetujuan Kerajaan Negeri Selat, dan atas permintaan Kerajaan tersebut akan menyerahkan orang-orang yang telah melakukan kesalahan melanggar Undang-Undang Negeri Selat yang harus datang mencari perlindungan atau dijumpai di dalam Luak yang tersebut

dan tidak akan memberi perlindungan kepada musuh-musuh Kerajaan British, atau musuh Negeri-Negeri dan Undang Luak yang bersekutu dengan Kerajaan British atau berdamai dengannya dan tidak akan membenarkan sesiapa menubuhkan angkatan-angkatan, atau mengumpulkan orang atau senjata-senjata di dalam Luak Sungai Ujong untuk melawan Kerajaan British, dan mereka hendaklah memberitahu dengan segera kepada Kerajaan British atas segala perkara kejadian mengenai politik dan perniagaan di dalam Luak yang tersebut dan perhentian, daerah atau kawasan di Sempang, dengan di tepi-tepi tebing-tebing sungai kiri kanan Sungai Linggi dari Sempang hingga membawa ke Permatang Pasir hendaklah ditempatkan di bawah kawalan dan perintah dan arahan Kerajaan British, kalau tidak perjanjian ini tidak sah, jika sebaliknya perjanjian ini berjalan kuatkuasa dengan sepenuhnya.

Tertulis di Rumah Kerajaan Singapura, pada 21hb. April, 1874 di hadapan Tuan Yang Terutama Sir Andrew Clarke, C.B., K.C.M.G., & C., & C., Gabenor.

Mohor dan Tandatangan
Dato' Kelana Abdul Rahman.

Mohor dan Tandatangan
Dato' Muda Linggi

LINGGI

Dalam beberapa abad Sungai Linggi adalah merupakan sebagai lalu lintas yang utama dalam perhubungan antara penduduk-penduduk Negeri Sembilan dengan dunia luar, hinggalah perhubungan jalan raya dan keretapi diadakan pada awal Kurun Yang Ke-20.

Tempat ini semenjak purbakala dipanggil oleh penduduk-penduduk asalnya dengan "Kuala Penagim" (boleh jadi dimaksudkan dengan Kuala Penajis - Penyusun) dan nama 'Linggi' adalah disesuaikan oleh peneroka yang datang kemudiannya.

Linggi yang ada sekarang telah dibuka oleh dua orang ahli perantauan dan perniagaan bernama Dato' Srilah dan Dato' Awaludin, dari keturunan mereka kedua inilah menjadi Penghulu Linggi yang bergelar Dato' Muda Linggi, masanya kira-kira tahun 1783.

Apabila kedua peneroka ini tiba dengan sebuah sampan didapatiya dalam Sungai Linggi timbul bahagian belakang sebuah perahu besar dan bahagian hadapannya terbenam ke dalam air. Ketika itu semua orang menamakan bahagian belakang perahu dengan perkataan 'linggi' kerana mengambil sempena keadaan ini lalu dinamakan tempat ini dengan 'Linggi' hingga sekarang.

Linggi di zaman silam lebih terkenal dengan pengkalan perniagaan daripada penempatan, kerana kedudukan tempat ini tidak sesuai untuk bertanam padi sedangkan orang-orang masa itu semata-mata menggantungkan kehidupan dengan pertanian, oleh itu penduduk-penduduk Linggi sangat lambat bertambahnya.

Selain dari pengkalan perniagaan, Linggi juga diketahui dengan mujahit-mujahit Islam yang menyebarkan kesucian Islam dan ajarannya, antara bekas peninggalan mereka ialah Keramat Sungai Ugang di Pengkalan Kempas Linggi bertarikh tahun 1467 iaitu zaman Sultan Mansor Shah di Melaka.

Apabila Melaka diperintah oleh Belanda mulai tahun 1641, bijih-bijih yang didapati dalam Luak Sungai Ujong dan kawasan-kawasan pendalaman sekurang-kurangnya 100 bahara setahun dibawa keluar melalui Sungai Linggi.

Dalam tahun 1640an, Bendahara Sekudai datang ke Sungai Ujong dan singgah terlebih dahulu serta tinggal beberapa lamanya di Pengkalan Dian Linggi. Kedatangan Bendahara Sekudai ini menarik perhatian orang-orang luar untuk membuka perkampungan di Pengkalan Dian dan Pengkalan Kundang di Linggi.

Cerita Dato' Alon Tujoh iaitu seorang pengikut Bendahara Sekudai yang datang ke Linggi kerana mencari isterinya yang hilang; mengatakan, ramai orang-orang Sakai datang dari Kenaboi Jelebu sampai di Linggi kerana hendak membeli garam.

Dalam kurun yang ke-18 Kuala Linggi sangat sesuai sebagai sebuah pengkalan, antara tahun 1753 hingga 1759 Daeng Kemboja menempatkan buat sementara angkatannya kerana hendak menyerang Belanda di Melaka, tetapi Daeng Kemboja gagal dalam cita-citanya dan pengeluaran bijih melalui Linggi dimonopoli oleh Belanda.

Kampung Kuala Linggi sekarang dibuka oleh orang-orang yang datang dari Langat dalam tahun 1833.

Tahun 1874 Dato' Muda Linggi menyebelah Dato' Kelana dalam pertikaian-nya dengan Dato' Bandar, kejadian ini membawa taraf Linggi sendiri hampir-hampir berkuasa sepenuhnya, tatkala itu, ada kata-kata membayangkan kekuasaan seperti "bergajah tunggal - menggenting putus, melintang tembus, memakan habis, membunuh mati".

Apabila Dato' Muda Linggi, Muhamad Bustam meninggal dunia tahun 1912, ketika itu tidak ada peraturan atau salasilah bagi mewarisi pusaka Dato' Muda Linggi. Apabila Dato' Muda kosong hampir 20 tahun dan perebutan antara anak waris telah memuncak lalu dinasihatkan oleh British Resident J.W. Simmons (1928 - 1931) kepada semua waris supaya melantik Dato' Muda yang baru berdasarkan dari giliran.

Dengan campurtangan Dato' Kelana Ma'amor, satu peraturan telah dikanunkan bagi mempusakai Dato' Muda ini, iaitu antara Perut Solok, Perut Hilir dan Perut Pengkalan. Hassan bin Pok, seorang guru sekolah Melayu telah bertungkus lumus dalam melaksanakan aturan mewarisi Dato' Muda ini, akhirnya dia sendiri telah dipilih menjadi Dato' Muda Linggi pada tahun 1932.

Dalam istiadat mengadap menjunjung Duli Yang Maha Mulia Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan tiap-tiap 3 tahun sekali, Dato' Muda Linggi adalah salah seorang ketua yang mengambil bahagian dalam istiadat ini.

Berikut ini penyandang-penyandang Dato' Muda Linggi :-

1. Lebai Dolman,
2. Jaragan Abdul Rahman (meninggal 1824),
3. Muhamad Katas,
4. Haji Muhamad Salleh,
5. Muhamad Peral,
6. Muhamad Bustam (meninggal 1912),
7. Hassan bin Pok (1932 - 1936).
8. S. Ahmad bin S. Muhamad (1936 - 1959),
9. Yahya bin Abu (1959 -).

JELEBU

1. Adalah nama satu daerah di utara Negeri Sembilan yang disebut 'Jelevu' itu kononnya berasal dari nama seorang yang telah mati lemas dalam Sungai Teriang pada zaman Dato' Moyang Saleh, Undang Jelevu yang telah menerima gelaran dari Sultan Johor pada Tahun Masehi 1757.

Sebelum itu, luak yang disebut Jelevu itu tidaklah dikenal namanya yang sebenar.

NAMA GELARAN

2. Sebelum Dato' Moyang Saleh 'memutus tali ke Johor' pemerintah-pemerintah seperti Dato' Gombak dan Dato' Mentunggang yang telah memerintah Jelevu adalah memakai gelaran Penghulu Jelevu. Kedua-dua beliau ini berasal dari Minangkabau. Kemudian Dato' Moyang Saleh menggantikan jawatan Penghulu itu yang dinamakan Undang Jelevu.

Pada Tahun Masehi 1757 Dato' Moyang Saleh telah pergi mengadap Sultan Johor kerana memohon satu penyelesaian atas perkara pembunuhan anak Undang Rembau yang dilakukan oleh Sultan Johor. Oleh sebab Dato' Moyang Saleh seorang yang bijak dan berani dalam menjayakan perundingan itu, maka beliau telah dianugerahkan oleh Sultan Johor gelaran Dato' Manduleka Menteri Akhir Zaman Sultan Jelevu. Dari semenjak itu Jelevu tidak lagi di bawah naungan Johor, Jelevu adalah berkuasa sendiri yang disebut 'Bergajah Tunggal'. Inilah yang dikatakan 'Memutus tali ke Johor'.

Tetapi gelaran Dato' Undang yang ada sekarang tidak lagi seperti yang asal itu, hanya disebut 'Dato' Mendika Menteri Akhir Zaman'. Perubahan ini mungkin telah dibuat pada masa Dato' Undang Shed Ali.

NAMA-NAMA UNDANG YANG MEMERINTAH LUAK JELEBU

DARI SEMENJAK T.M. 1757

3. Dato'-dato' Undang atau dengan lain perkataan disebut Dato'-dato' Penghulu, telah memerintah Jelevu tanpa putus-putus, semenjak Moyang Saleh sampailah ke hari ini. Mengikut adat istiadat Jelevu yang turun temurun bahawa perlantikan seorang yang hendak menyandang jawatan Undang itu hanya dipilih bergilir-gilir dari tiga 'Waris Berunding': Waris Ulu Jelevu, Waris Sarin dan Waris Kemin. Waris Sarin dan Kemin itu mungkin telah dimasukkan secara maufakat, sebagaimana yang terbukti di bawah ini : Empat orang Penghulu yang mula-mula memerintah adalah dari waris Ulu Jelevu. Senarainya adalah seperti berikut :

1. Dato' Moyang Salleh	Waris Ulu Jelevu
2. Dato' Bukor	Waris Ulu Jelevu
3. Dato' Bakul	Waris Ulu Jelevu
4. Dato' Yunus	Waris Ulu Jelevu
5. Dato' Lob	Waris Sarin
6. Dato' Duraman	Waris Kemin
7. Dato' Durongga (To' Tua/To' Gila)	Waris Ulu Jelevu
8. Dato' Pandak	Waris Sarin
9. Dato' Mahmud (Kulup Tunggal)	Waris Kemin

- | | |
|------------------------|--------------------------------|
| 10. Dato' Haji Ibrahim | Waris Kemin |
| 11. Dato' Saiyid Ali | Waris Ulu Jelebu |
| 12. Dato' Abdullah | Waris Sarin |
| 13. Dato' Shahmarudin | Waris Kemin |
| 14. Dato' Abu Bakar | Waris Ulu Jelebu
(Sekarang) |

Waris Kemin telah dilantik dua kali berturut-turut (Dato' Mahmud dan Dato' Haji Ibrahim) kerana waris yang pertama itu telah dipecat disebabkan melanggar adat. Beliau telah mengambil seorang perempuan China dari Rembau sebagai gundeknya.

4. BILANGAN DATO' LEMBAGA DAN GELARAN

Di bawah Undang ada 8 orang-orang besar dikenal sebagai Dato' Lembaga yang berkuasa memcat dan menjadikan Undang.

Suku Biduanda
Waris Menteri : Dato' Menteri Shah
Mangku Alam Raja Sahari.

Suku Biduanda
Waris Ombi : Dato' Umbi Pangkal
Maharaja Lela.

Suku Biduanda
Ulu Jelebu : Dato' Raja Balang

Suku Biduanda Sarin : Dato' Paduka Menti.

Suku Biduanda Kemin : Dato' Maharaja Inda.

Suku Tanah Data : Dato' Chinchang
Maharaja Lela.

Suku Batu Belang : Dato' Sendara Angsa.

Suku Mungkal : Dato' Mengiang Merah
Bangsa.

2. Dato' Lembaga yang ditambah kemudian tetapi tidak termasuk
Orang Delapan.

NAMA-NAMA DATO' LEMBAGA

A.	<i>Waris Menteri</i>	<i>Perut Merebong</i>	<i>P. Kg. Tengah</i>	<i>P. Durian Dau</i>	<i>P. Mengkan</i>
	(Dato' Menteri)	1. Genta 2. Kurus 5. Mela 9. Niyat 11. Lebai 15. Haji Ma' Ali 17. Kesi 21. Tahat 25. Ujang	4. Tabuan 6. Pesan 10. Acheh 12. Ja' Amin 16. Latih 22. Long 26. Yulah	3. Panjang 7. Kokut 13. Ahat 18. Sawal 20. Talib 24. Kilau	8. Dagang 14. Junding 19. Hj. Mat Nur 23. Haji Salleh 27. (Othman sekarang)
B.	<i>Waris Ombi</i>	<i>P. Triang</i>	<i>P. Larong Hilir</i>	<i>P. Larong Hulu</i>	
	(Dato' Ombi)	1. Kesu 4. Dali 9. Ta' Ah 11. Kamar 13. Amin Abdullah 14. Udin 17. Omar	2. Langsa 5. Badu 8. Ijah 10. Mamat 15. Na'am 18. Syed Alwi (sekarang)	3. Bata 6. Molek 7. Saban 12. Jantan 16. Abdul Kathir.	

- C. *Waris Ulu Jelebu* *P. Ulu Jelebu* *P. Chenor*
- (Dato' Raja Balang)
1. Munoh
 2. Irut
 3. Manah
 4. Dollah
 5. Dekus
 6. Kidin
 8. Long
 10. Rahmat
 11. Said (sekarang)
 7. Syed Ali
 9. Sahu
- D. *Waris Kemin* *P. Teriang* *P. Kemin* *P. Bemban*
- (Dato' Maharaja Inda)
1. Tatang
 4. Angsa
 6. Usoh
 8. Jang
 11. Othman
 14. Ujang (sekarang)
 3. Komin
 9. Talib
 12. Mohamad
 2. Antah
 5. Musit
 7. Musin
 10. Dollah
 13. Mohd. Yusof
- E. *Waris Sarin (i)* *P. Aur Dun* *P. Peninjan* *P. Kirim Mudek*
- (Dato' Paduka)
1. Mendok
 2. Linjun
 3. Burok
 6. Mamat
 10. Ma'akit
 4. Jambi
 5. Sari
 7. Jamai
 11. Munap
 8. Gelam
 9. Hj. Bidin
 12. Sulaiman (sekarang)
- F. *Waris Sarin(ii)* *P. Kuala Jelebu* *P. Merbau* *P. Jelin*
- (Dato' Raja di-Daja)
1. Teras
 4. Kiya
 6. Pilus
 2. Rayat
 3. Erut
 7. Kechik (sekarang)
 5. Rahamat
- G. *Suku Batu Belang* *P. Teriang* *P. Beringin*
- (Dato' Senara)
1. Isa
 4. Sukul
 5. Jantan
 7. Maakin
 2. Pinchil
 3. Butun
 6. Mamat
 8. Ismail (sekarang)

- H. *Suku Mungkal*
(i) *P. Kg. Bukit* *P. Danau*
Selamat *P. Bukit Piatu*
- (Dato' Ngiang) 1. Bakok 2. Sintak 3. Panau
4. Selayak 5. Hussin 6. Duhi
12. Kadir 7. Solok 8. Sada
10. Jati 9. Tahir
13. Syed Suhor 11. Haji Salim
14. Haji Aman.
- I. *Suku Mungkal*
(ii) *P. Chepun* *P. Jelebu*
Tengah *P. Sawah Liat*
- (Dato' Shah Bandar)
(Waris Ayer) 1. Sohor 3. Kahar 4. Awan
2. Kechil 7. Chadin 6. Ampang
5. Onah 8. Ja'Amat
12. Ab. Rahman 9. Ahmat
(sekarang) 10. Syed Ahmad
11. Suh
- J. *Suku Tanah*
Datar *P. Tembun* *P.K. Klawang* *P. Kg. To'*
Bujang
- (Dato' Chinchang) 1. Dagang 2. Tuang 3. Tanggoh
4. Ma' Ali 5. Kathir 7. Wahid
11. Pileh 6. Timbang 12. Ali
14. Hj. Ab. 8. Sidek
Jalil 9. Tahir
(sekarang) 10. Sahar
13. Ujang

NAMA SUKU2 DALAM LUAK, GELARAN BUAPAK
DALAM DATO'2 LEMBAGA SERTA RAMAI BILANGAN BUAPAK

<i>Suku</i>	<i>Waris</i>	<i>Gelaran</i> <i>Dato' Lembaga</i>	<i>Perut</i>	<i>Gelaran</i>	
1. Biduanda	Menteri	Dato' Menteri Sah Mangku Alam Raja Sahara	Merbang Kg. Tengah Durian Daun Mengkan	To' Lela Raja To' Beremban To' Amar Pahlawan To' Dagang	} Waris negeri yang asal ini di-sebut juga waris yang dua.
2. Biduanda	Ombi	Dato' Ombi Pangkal Maharaja Lela	Larong Hulu Terjang Larong Hilir	To' Senara Sati Imam Perang To' Lela Perkasa	
3. Biduanda	Ulu Jelebu	Dato' Raja Balang	Ulu Jelebu Chenor	To' Seri Raja Lela	: Sekarang di- kenal perut Ulu Jelebu sahaja).
4. Biduanda	Sarin A	Dato' Paduka	Bandar Tinggi Aur Duri Peninjau	To' Muda	
Biduanda	Sarin B	Dato' Raja Di-Raja	—	Ta' boleh menyandang Undang.	

5.	Biduanda	Kemin	Dato' Maharaja Inda	Teriang Kemin Bemban	To' Panglima Jaya.
6.	Batu Belang	—	Dato' Senara Angsa	Teriang Kg. Berini	To' Laksamana To' Lela Setia
7.	Munkal (i)		Dato' Mengiang Merah Bangsa	Kg. Bukit Danau Selamat Bukit Piatu	To' Panglima Hitam To' Maharaja Senara
	Mungkal (ii)	Ayer	Shahbandar	Chepum Jelebu Tengah Sawah Liat	To' Berjuangsa To' Maharaja Purba To' Laksamana
8.	Tanah Datar	—	Dato' Chinchang Maharaja Lela	Tembun Kg. To' Bujang Kuala Klawang	To' Johan
	Tiga Batu	—	Dato' Lela Angsa	—	Di-hapuskan pangkat lembaga ini sa-lepas hapus-nya jawatan Yam- tuan di-Jelebu.
	Biduanda	Ulu Klawang	Dato' Amar Penghulu	Rambai Baris Tg. Berangan Kg. Bukit	To' Menti Maharaja.

PERLEMBAGAAN (UNDANG-UNDANG DASAR)

KESUKUAN DAN SIASAH JELEBU

Ada lima jenis suku (yakni asal keturunan) yang merupakan Undang-Undang Dasar Jelebu, iaitu : Biduanda, Batu Belang, Tanah Datar, Mungkal dan Tiga Batu. Suku Biduanda dibahagikan kepada lima waris: Waris Menteri, Waris Ombi yang disebut Waris Asal Negeri, Waris Ulu Jelebu, Waris Sarin dan Waris Kemin, disebut sebagai Waris Berundang. Kelima-lima Waris itu telah menjadi Waris Negeri dan berhak menerima elaun bulanan yang didapati dari kutipan hasil tanah.

Waris Sarin pula dipecahkan kepada dua bahagian. Tetapi waris pecahan yang akhirnya tidaklah berhak menyandang jawatan Undang. Konon sebabnya, salah seorang yang bernama Dato' Raja Teras telah membunuh seorang warisnya tanpa pengetahuan Undang.

Undang-undang Dasar Siasah Jelebu mengandungi Dato' Undang dan Orang Delapan atau Lembaga yang lapan, seperti senarai di bawah ini :-

- | | | |
|------------------------|---|--------------------|
| 1. Dato' Menteri | } | Waris asal Negeri. |
| 2. Dato' Ombi (Umbi) | | |
| 3. Dato' Raja Balang | | Waris Ulu Jelebu |
| 4. Dato' Maharaja Inda | | Waris Kemin |
| 5. Dato' Paduka | | Waris Sarin |
| 6. Dato' Chinchang | | Suku Tanah Datar |
| 7. Dato' Senara | | Suku Batu Belang |
| 8. Dato' Mengiang | | Suku Mungkal. |

Dato' Undang tidak boleh menambah atau menukar mana-mana peratoran adat tanpa kebenaran Dato'-Dato' Lapan. Dato'-Dato' ini berkuasa dalam pemilihan dan perlantikan serta mengesahkan jawatan seseorang ahli termasuk juga jawatan Dato' Undang.

Jawatan Undang digilir-gilirkan daripada waris yang tiga : Ulu Jelebu, Kemin dan Sarin.

Dato' Menteri akan memangku jawatan Undang sekiranya Undang meninggal dunia dan segala perintahnya dianggap sebagai sabda. Dato'-Dato' Lembaga kemudiannya akan mendapatkan Dato' Menteri untuk melantik Undang Baru. Perkara ini akan diserahkan kepada Dato' Umbi yang mana beliau akan menjemput waris yang tiga untuk mencalonkan seorang bakal Undang. Ini disahkan oleh Umbi dinilai dari segi hak dan pesaka. Calon ini akan diserahkan kepada Menteri yang akan menilai dari segi adat pula. Keputusan-keputusan semua, setelah dipersetujui oleh Menteri akan disemukakan kepada Dato'-Dato' Lembaga yang lapan dan di sinilah terletak kata muktamad. Dato' Menteri akan menjalankan istiadat pertabalan dan tiap-tiap tiga tahun sekali Dato' Lapan datang mengadap, melahirkan ta'at setia mereka kepada Undang yang dilantik.

Pada keseluruhan Undang-Undang Dasar, bolehlah dipusatkan kepada cabutan perbilangan ini :-

"Pertama mencabut, kedua bertanam, sah sekata, berkebulatan Dato'-Dato' yang delapan. Kata-kata mencari kepada lembaga yang tiga iaitu Dato' Chinchang, Dato' Mengiang, dan Dato' Senara".

"Tali adat kepada Menteri; tali pesaka kepada Umbi; sah batal surut lalu Undang kepada warisnya, hidup mati kepada Undang; gemuk berpupuk segar bersiram kepada warisnya".

"Bila Waris Ulu Jelebu menjadi Undang, Dato' Raja Balang titian adat; bila Waris Kemin menjadi Undang, Dato' Maharaja Inda titian adat bila Waris Sarin menjadi Undang, Dato' Paduka titian adat".

"Bila rosak pesaka bertengok kepada Dato' Umbi; bila rosak adat bertengok kepada Dato' Menteri; patah tumbuh, bilang berganti. Ganti hidup berkegelaran, ganti mati berkebulatan.

Di bawah ini adalah catitan penerangan bagi gelaran-gelaran yang terdapat pada perbilangan di atas :

1. Lembaga Tiga : Dilantik oleh Buapak waris, dan Buapak, Ibu Bapak) oleh perut. Mereka bertiga boleh menyara dan memberi kata tegur, kata membina, kata bercari dan lain-lain lagi. Kata-kata ini disampaikan melalui Dato' Menteri. Pandangan dan pertimbangan akan dibuat jika perkara-perkara yang disampaikan itu bersesuaian dalam adat. Oleh itu Menteri adalah sebagai lunas lembaga.

2. Menteri : Adalah menjadi pemangku Undang salam masa kekosongan iaitu dari tarikh kematian Undang hingga tarikh perlantikan Undang yang baharu. Dalam perlantikan ini beliau menjadi seorang yang penting, sebagaimana yang disebutkan di awal tadi. Beliau sahaja yang boleh membawa kata-kata dari Lembaga. Tiga tadi untuk menjadi perhatian Undang. Tetapi beliau tidak boleh menemui Undang bersendirinya melainkan melalui titian adat kepada Undang.

3. Titian Adat : Adalah ketua Waris Undang pada masa seseorang Undang memerintah (yakni keluarga Undang). Beliaulah yang menyampaikan kata-kata Menteri kepada Undang. Perkara yang berbangkit boleh diputuskan dalam mesyuarat waris. Titian adat dan keputusan waris dapat menentukan perjalanan policy, iaitu, sama ada untuk menyebelahi Undang, atau mencegah daripada melancarkan polisi atau "gemuk berpupuk" atau "segar bersiram". Boleh dikatakan bahawa kuasa Undang diawasi dan diperkukuh oleh waris beliau.

4. Undang : Mempunyai kuasa tertinggi dan dapat menjatuhkan sebarang hukuman kepada rakyat setelah dirujuk kepada Lembaga Delapan. Beliau mempunyai balai dan juak-juak sendiri. (Seperti gambar Undang di balai mengadap dengan diapit oleh juak-juak yang memegang senjata perjawatan).

5. Orang Delapan : Pada merekalah terletak teraju perlembagaan dan siasah. Dan pada mereka diharapkan segala kebulatan suara. Mereka memberi kata akhir dalam perlantikan dan perlucutan jawatan Undang. Pada suatu masa dahulu Orang Delapan ini ditambah dengan dua orang ahli lagi menjadi sepuluh. Ini adalah kemasukan Dato' Raja di Raja dari Waris Sarin yang terbahagi dua dan Dato' Lela Angsa. Kini bilangan ini dikekalkan sebagai delapan.

6. Yamtuan Jelebu : Tokoh utama yang diibaratkan sebagai seekor 'ular besar' atau gajah tunggal yang perlu diberi makan oleh Undang.

Begitulah secara ringkas Undang-Undang Dasar (Perlembagaan) dan Siasah Jelebu yang penuh dengan adat istiadat yang masih dipakai hingga hari ini.

JUAK-JUAK UNDANG JELEBU

<i>Nama Pangkat</i>	<i>Suku</i>	<i>Jawatan masa istiadat mengadap</i>
1. Laksamana	Waris Ulu Jelebu	Memegang Pedang
2. Panglima Hitam	Waris Mungkal	Benderang
3. Panglima Garang	Waris Menteri	Pedang
4. Panglima Sutan (i)	Tanah Datar	Tombak
5. Panglima Perang	Waris Sarin	Keris Panjang
6. Panglima Jaya	Waris Kemin	Tombak
7. Panglima Bebas	Waris Sarin	Sundang
8. Panglima Sutan (ii)	Batu Belang	Benderang
9. Panglima Raha	Waris Ulu Jelebu	Pedang
10. Panglima Mamat	Tanah Datar	Keris Panjang
11. Panglima Dalam	Waris Sarin	Mengeluar dan memasang alat-alat kebesaran Undang dalam satu-satu istiadat.

Sundang : Pedang Bugis, pendek dan lebar mata.

Benderang : Tombak yang berambukan ekor kuda di pangkal tangkainya.